

**KONFLIK ALIRAN PROGRESIF DAN KONSERVATIF DI TANAH MELAYU:
TUMPUAN KEPADA POLEMIC AGAMA DALAM KALANGAN MASYARAKAT
MELAYU, 1910-AN HINGGA 1930-AN**

***PROGRESSIVE AND CONSERVATIVE CONFLICT IN MALAYA: FOCUS ON
RELIGIOUS POLEMIC AMONG MALAY SOCIETY, 1910s TO 1930s***

Abu Hanifah Haris*
Universiti Malaya, MALAYSIA

Abstrak

Isu perbezaan pendapat dalam permasalahan agama bukanlah isu yang baru dalam masyarakat Melayu. Hal ini kerana perbezaan pendapat yang juga dikenali sebagai konflik aliran progresif dan konservatif dilaporkan mula berkembang pesat di Tanah Melayu sejak peningkatan jumlah pelajar Melayu yang menyambung pengajian di Makkah sejak awal abad ke-19, dan Mesir sejak awal abad ke-20. Setelah pulang ke tanah air, mereka mula membawa pandangan ulama dan mazhab lain yang berbeza berbanding amalan masyarakat Melayu, sekali gus mula menimbulkan konflik dalam kalangan masyarakat yang kemudian lebih dikenali dengan gelaran konflik Kaum Muda-Kaum Tua. Objektif artikel ini adalah mengkaji konflik aliran progresif dan konservatif di Tanah Melayu sebelum merdeka, khususnya antara tahun 1910-an hingga 1930-an. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah kajian kepustakaan dengan merujuk pelbagai sumber primer seperti fail dan akhbar, selain sumber sekunder seperti buku, artikel jurnal, tesis dan kertas kerja. Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa konflik aliran progresif dan konservatif yang tercetus di Tanah Melayu seperti isu ketuk-ketuk di Melaka dan Terengganu, isu jilatan anjing, isu bacaan *usalli*, isu tarekat yang berlaku di Kelantan, serta isu bacaan talkin yang terjadi di Kelantan dan Perlis. Meskipun begitu, majoriti masyarakat Melayu dilihat lebih berpegang kepada pandangan dan amalan ulama tempatan berpandukan kepada mazhab Shafie yang sudah lama diamalkan.

Kata kunci: Progresif, Konservatif, Kaum Muda, Kaum Tua, Tanah Melayu.

Abstract

The problem of differences of opinion on religious issues is not new in Malay society. For this disagreement, also known as the conflict between progressive and conservative schools, began to grow rapidly in Malaya since the number of Malay students who studied in Makkah since the early 19th century, and in Egypt since the early 20th century increased. Upon their return home, they brought with them views of the ulama and other madhabs that differed from the practices of the Malay society. This led to conflict within the community, which later became better known as the Kaum Muda-Kaum Tua conflict. The aim of this article is to examine the conflict between progressive and conservative sects in pre-independence Malaya, particularly between the 1910s and 1930s. This study uses a qualitative approach, namely the literature review method, by referring to various primary sources such as files and newspapers as well as secondary sources such as books, journal articles, theses, and working papers. This study shows that there are several conflicts between progressive and conservative streams that have erupted in Malaya, such as the ketuk-ketuk issue in Melaka and Terengganu, the dog licking issue, the usalli reading issue, the tarekat issue that occurred in Kelantan, and the talkin reading issue that occurred in

Kelantan and Perlis. Nevertheless, most of the Malay society tends to adhere to the views and practices of the local ulama based on the long-practiced Shafie mazhab.

Keywords: *Progressive, Conservative, Kaum Muda, Kaum Tua, Malaya.*

Pengenalan

Konflik atau perselisihan berkenaan aliran pemikiran khususnya dalam aspek akidah dan fikah antara golongan progresif dan konservatif bukanlah satu polemik yang baharu dalam kalangan masyarakat Melayu. Isu ini sebenarnya telah muncul sejak pemergian ramai pelajar Melayu yang menyambung pengajian di Timur Tengah khususnya di Makkah sejak awal abad ke-18. Namun begitu, konflik aliran ini yang juga dikenali sebagai konflik Kaum Muda beraliran progresif dengan Kaum Tua beraliran konservatif menjadi semakin hangat sejak berlakunya peningkatan jumlah pelajar Melayu yang menyambung pengajian di Kaherah, khususnya di Universiti al-Azhar pada tahun 1920-an. Akibatnya, pelajar-pelajar ini mula terdedah kepada pelbagai pandangan ulamak daripada pelbagai mazhab berkaitan pelbagai isu fikah dan akidah.

Apabila mereka pulang ke tanah air, golongan inilah yang menyebarkan pemikiran progresif atau islah, dan golongan ini juga kemudiannya digelar oleh Kaum Tua sebagai Kaum Muda. Namun begitu, pemikiran golongan progresif ini yang majoritinya merupakan golongan muda tidak begitu disenangi oleh golongan tua. Bagi mereka, pemikiran islah tersebut tidak selari dengan pegangan dan amalan agama yang diwarisi sejak turun-temurun daripada ulama terdahulu. Jelas di sini, begitu kuatnya pegangan golongan tua terhadap ajaran agama yang diajar oleh ulama terdahulu yang sangat terikat dengan mazhab Shafie, meskipun ajaran agama yang dibawa oleh Kaum Muda ini masih dikategorikan dalam aliran *Ahli Sunnah wal Jamaah*. Bezanya, golongan progresif ini tidak mahu terikat dengan mazhab Shafie sahaja tetapi turut menerima mazhab-mazhab lain, atau tidak terikat dengan mana-mana mazhab sebaliknya berpegang terus kepada ajaran al-Quran dan hadis.

Artikel ini bertujuan untuk mengkaji konflik aliran progresif dan konservatif yang pernah tercetus di beberapa buah negeri Melayu sebelum merdeka, khususnya pada tahun 1910-an hingga 1930-an. Hal ini kerana era tersebut merupakan kemuncak kepada konflik aliran progresif dan konservatif sebelum konflik tersebut mulai merosot akibat ancaman perang menjelang Perang Dunia Kedua serta perkembangan perjuangan nasionalisme menjelang kemerdekaan Tanah Melayu. Perbincangan dimulakan dengan perbincangan mengenai latar belakang aliran progresif dan konservatif di Tanah Melayu serta pelbagai pendapat sarjana berkaitan aliran pemikiran tersebut. Perbincangan seterusnya memberi fokus kepada contoh-contoh konflik aliran progresif dan konservatif yang pernah tercetus di Tanah Melayu antara tahun 1910-an hingga 1930-an. Perbincangan dimulakan dengan membincangkan isu ketuk-ketuk yang pernah terjadi di Melaka dan Terengganu. Perbincangan seterusnya melibatkan isu jilatan anjing, isu bacaan *usalli*, dan isu tarekat khususnya Tarekat Ahmadiyah yang berlaku di Kelantan. Perbincangan diakhiri dengan perbincangan mengenai isu bacaan talkin di Kelantan dan Perlis.

Latar Belakang Aliran Progresif dan Konservatif di Tanah Melayu

Aliran progresif dan konservatif bukanlah satu mazhab dalam Islam, sebaliknya merupakan satu pertembangan aliran pemikiran khususnya dalam aspek akidah dan fikah. Dalam aspek fikah, terdapat juga sarjana yang menggunakan istilah ‘Shafi’iyyah’ dan ‘Salafiyyah’ yang menggambarkan dua aliran pemikiran yang saling bertentangan di Tanah Melayu, iaitu aliran tradisional dan reformis. Istilah Shafi’iyyah misalnya merujuk kepada aliran tradisional yang mendukung pemikiran *khalaf* dalam teologi, dan berpegang teguh dengan mazhab Shafie dalam pemikiran fikah. Manakala Salafiyyah pula merujuk kepada aliran reformis atau islah yang mendukung pemikiran salaf dalam teologi, namun tidak terikat kepada mazhab tertentu dalam pemikiran fikah.¹ Namun begitu, kedua-dua aliran ini masih dikategorikan sebagai *Ahli Sunnah Wal Jamaah* dan bukanlah terkeluar atau menyimpang daripada ajaran Islam.

Dari segi sejarah, konflik pemikiran progresif dan konservatif dalam Islam muncul sejak zaman Ibn Taimiyyah dan Ibnu Qayyim pada abad ke-14 lagi apabila mereka menggunakan kritikan yang tajam bagi membetulkan semula cara berfikir umat Islam pada zaman itu yang dilihat terpesong daripada ajaran Islam yang sebenar. Menjelang abad ke-18, muncul pula gerakan Muhammad Abdul Wahab di Hijaz yang sering digelar sebagai gerakan Wahabi bagi menghapuskan unsur *bidaah* dan khurafat yang diamalkan oleh umat Islam ketika itu, khususnya di Hijaz.² Selepas itu, muncul pula tokoh progresif di Mesir yang dipelopori oleh tiga tokoh yang tidak asing lagi iaitu Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad Abduh dan Rashid Rida.³ Seterusnya tokoh-tokoh progresif ini muncul di seluruh Dunia Islam seperti di Timur Tengah selain Asia seperti India, Hindia Timur (Indonesia) termasuklah di Tanah Melayu.

Konflik aliran progresif dan konservatif pula muncul secara agresif di Tanah Melayu sejak awal abad ke-20, khususnya sejak penerbitan majalah *al-Imam* pada tahun 1906 yang membawa aliran pemikiran progresif atau islah. Sejarah menunjukkan bahawa kemasukan aliran progresif ini sehingga mewujudkan konflik dengan aliran konservatif yang sudah lama bertapak di Tanah Melayu bermula sejak berlakunya pertambahan pelajar Melayu yang menyambung pengajian di Timur Tengah khususnya Universiti al-Azhar sejak akhir abad ke-19. Sebaik sahaja pulang ke tanah air, mereka bertindak menyebarkan aliran pemikiran progresif atau islah ini menggunakan saluran penerbitan akhbar dan majalah, selain penubuhan madrasah kerana institusi keagamaan seperti majlis agama dan institusi perundangan Islam di Tanah Melayu ketika itu dikuasai oleh golongan konservatif, sekali gus menafikan peluang kepada mereka untuk menyebarkan aliran pemikiran tersebut.

Pertentangan aliran pemikiran ini sebenarnya berkisar tentang perbezaan mazhab yang dipegang antara golongan progresif dan konservatif. Di Tanah Melayu, pertentangan ini selalunya melibatkan dua pihak yang berbeza pegangan mazhab. Satu pihak amat kental dengan mazhab Shafie yang dikatakan telah diamalkan berkurun-kurun lamanya oleh nenek moyang mereka dan dijuarai oleh golongan konservatif, manakala satu pihak lagi pula agak terbuka dalam pegangan mazhab sama ada langsung tidak berpegang kepada mana-mana mazhab atau terbuka dengan menerima semua mazhab utama iaitu Shafie, Maliki, Hanbali dan Hanafi yang diwakili oleh golongan progresif.

Pada masa yang sama, aliran progresif di Tanah Melayu juga terkenal dengan panggilan Kaum Muda manakala aliran konservatif pula dikenali sebagai Kaum Tua. Gelaran tersebut telah dipopularkan oleh sarjana Barat bagi menunjukkan perbezaan pandangan ulama Islam,

khususnya berkaitan isu fikah dan akidah. Antara sarjana awal yang mempopularkan istilah Kaum Muda dan Kaum Tua ialah William R. Roff, seorang sarjana British yang banyak mengkaji tentang sejarah masyarakat Islam di Asia Tenggara, khususnya di Malaysia.⁴ Sarjana-sarjana tempatan kemudian mempopularkan istilah tersebut bagi menggambarkan konflik atau pertentangan yang berlaku antara dua aliran pemikiran yang berbeza, ibarat aliran salaf dan khalaf dalam perbahasan ilmu kalam dan isu-isu usuluddin.

Antara sarjana terawal yang mengkaji konflik aliran progresif dan konservatif di Tanah Melayu serta mempopularkan istilah Kaum Muda-Kaum Tua ialah William R. Roff.⁵ Menurut beliau, Kaum Muda berkait rapat dengan mereka yang berpegang kepada pemikiran reformis Islam. Kaum Tua pula merujuk kepada pemimpin agama konservatif dan golongan elit tradisional. Akibatnya, timbul konflik terbuka antara Kaum Muda dengan Kaum Tua apabila Kaum Tua bertindak mengawal penerbitan majalah Kaum Muda.⁶ Berkaitan majalah *al-Imam*, Roff sebagaimana dipetik dalam sebuah rencana pernah menjelaskan bahawa:

“...kelahiran Al Imam membuka lembaran baru dalam sejarah kewartawanan Melayu, kerana berbeza dari lain2 majalah Melayu yang terbit sa-belum-nya, ia telah memberikan perhatian sa-penoh-nya terhadap soal2 di-sekitar kehidupan masharakat Melayu dari segala segi.”⁷

Pada masa yang sama, Roff juga menegaskan bahawa salah satu majalah yang memperjuangkan pemikiran Kaum Tua ialah majalah *Pengasoh* yang diterbitkan di Kelantan. Polemik tersebut menjadi semakin hangat setelah beberapa akhbar yang dikaitkan dengan aliran Kaum Muda seperti akhbar *Saudara* dan majalah *al-Hikmah* pernah dihalang daripada diedarkan di negeri Kelantan bagi mengelakkan kemasukan idea dan fahaman islah yang banyak dipelopori oleh Kaum Muda.⁸ Pada masa yang sama, pihak British turut memperkenalkan beberapa peruntukan undang-undang khusus bagi mengawal penerbitan akhbar dan majalah bercorak islah di Tanah Melayu. Antaranya ialah Seksyen 19B, Enakmen Undang-Undang Islam 1904, Pindaan Enakmen 1925 yang memperuntukkan bahawa sesiapa yang mencetak dan menerbitkan bahan bacaan berkaitan Islam tanpa kelulusan bertulis daripada raja-raja Melayu boleh dikenakan denda sebanyak \$200 atau dihukum penjara.⁹ Kewujudan undang-undang tersebut jelas memberi kelebihan kepada aliran konservatif untuk mengawal sebarang penerbitan aliran progresif yang dirasakan ‘mengancam’ survival dan kepentingan mereka.

Zainal Lembang dalam sebuah rencana ada membahaskan isu aliran progresif atau aliran reformis ini secara panjang lebar. Menurut beliau, istilah ‘modernis’ atau modernisme sebenarnya mempunyai maksud yang sama dengan istilah ‘Kaum Muda’. Zainal kemudian turut menyatakan bahawa istilah modernisme “...sa-chara umum boleh-lah di-katakan sa-bagai satu daya penyesuaian kemajuan tamadun Barat dengan anasir2 kebudayaan Islam yang tulen (yang tidak dinodai oleh keperchayaan2 karut)”¹⁰ Menurut beliau lagi “...Di-dalam pengertian sejarah sosial, kaum modernis ini ada-lah suatu gejala yang mesti timbul di-dalam sasuatu masharakat yang sedang menuju ka-arrah kemajuan di-dalam segala segi penghidupannya”.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa:

“...Tetapi gejala ini tidak selalu-nya terbatas pada bidang agama sahaja, tidak, sakali2 tidak. Tendensi reformis ini lebeh merupakan tendensi professif yang munchul di-dalam berbagai bentok – ada yang bersandarkan kapada ideologi keislaman, ideology[i] Karl Marx, dan ada pula yang bersatu dengan pergerakan nationalism sa-suatu bangsa itu”.

Selain itu, dalam sebuah rencana lain yang pernah disiarkan dalam *Berita Harian*, pengarang memberikan satu naratif yang berbeza dan menjelaskan bahawa ulama progresif atau modernis sering digelar sebagai ‘Kaum Muda’ kerana sikap:

“...mereka menyalahkan raja2, dato2, dan orang2 besar Melayu kerana kemundoran ra’ayat Melayu. Mereka juga menyalahkan ajaran2 Islam yang bida’ah dan menyeleweng dari ajaran2 Kur’an dan Hadith. Mereka mengecam habis2an orang2 Islam yang memperchayai pengaruh keramat, amalan membacha talkin dan pengikut2 tarikat.”¹¹

Pengarang seterusnya menjelaskan bahawa “...Sa-tengah orang percaya bahawa tindakandok *Al Imamlah* menyebabkan timbul-nya sengketa antara Kaum Muda dan Kaum Tua – sengketa yang boleh dikatakan penting dalam sejarah Melayu moden”.

Pada masa yang sama, terdapat juga ulama yang berpendapat bahawa sebenarnya tiada istilah Kaum Muda dan Kaum Tua di dalam Islam. Menurut seorang sarjana dari Indonesia iaitu Syed Hasan al-Attas ketika menyampaikan ceramah agama di Madrasah Ipoh Lane, Singapura: “...tidak ada Kaum Tua atau Kaum Muda dalam Islam kerana baik dalam Kur’an atau Hadith tidak ada disebutkan tentang soal-soal itu”. Menurut beliau lagi, “...Saya yakin soal Kaum Muda dan kaum Tua ini sengaja diada-adakan oleh orang-orang yang mahu memecah-belahkan umat Islam”.¹² Berdasarkan kenyataan tersebut, Syed Hasan al-Attas percaya bahawa istilah tersebut sengaja diwujudkan oleh musuh-musuh Islam atau umat Islam sendiri yang mahu merosakkan ikatan silaturahim sesama orang Islam.

Aliran progresif dan konservatif sebenarnya merujuk kepada aliran pemikiran yang berbeza khususnya dalam isu akidah dan fikah. Istilah Kaum Muda dan Kaum Tua juga banyak melibatkan perbincangan tentang konflik perbezaan pendapat tentang hukum Islam yang terjadi di Tanah Melayu dan Indonesia, khususnya sebelum kemerdekaan kedua-dua negara.¹³ Istilah tersebut muncul melihat kepada perdebatan hangat yang tercetus dalam akhbar dan majalah Melayu di Tanah Melayu berkenaan beberapa isu fikah dan akidah. Antara akhbar dan majalah Melayu yang aktif membahaskan konflik aliran progresif - konservatif sebelum merdeka ialah *al-Imam, al-Ikhwan, Neracha, Saudara, Idaran Zaman, Mujallah al-Kamaliah* serta *Pengasoh*.

Aliran progresif juga sangat sinonim dengan aliran pemikiran reformis yang juga dikenali sebagai pemikiran islah. Manakala pemikiran konservatif pula sinonim dengan aliran pemikiran tradisional. Di Tanah Melayu, istilah Kaum Tua sering merujuk kepada ulama tradisional yang berpegang teguh kepada mazhab Shafie. Manakala istilah Kaum Muda pula selalunya merujuk kepada ciri-ciri berikut; tidak berpegang kepada mazhab Shafie sahaja; berpegang kepada salah satu mazhab yang lain seperti Maliki, Hanbali, dan Hanafi; berpegang kepada semua mazhab utama yang lain iaitu Shafie, Maliki, Hanbali, dan Hanafi; atau tidak terikat kepada mana-mana mazhab dan berpegang kepada nas yang terkandung dalam al-Quran dan hadis sahaja.

Kenapa golongan progresif ini digelar sebagai Kaum Muda? Secara relatifnya, kebanyakan golongan progresif ini ialah mereka yang umurnya masih muda, iaitu berumur sekitar 30-an dan 40-an, sekali gus panggilan 'Kaum Muda' dari satu segi cukup sesuai dengan kategori umur mereka. Manakala golongan konservatif pula digelar Kaum Tua merujuk kepada majoriti golongan tersebut yang umurnya lebih tua. Gelaran ini juga sebenarnya berbentuk sindiran dan bernada sinis kerana ulama konservatif melihat ulama progresif yang baru pulang ke tanah air setelah menamatkan pengajian di Timur Tengah ini bukan sahaja 'kurang pengalaman' tetapi juga 'kurang pendedahan' kepada ilmu pengetahuan. Hal ini kerana menurut ulama konservatif, majoriti mereka juga masih muda, mentah dan mungkin juga tidak mempunyai ilmu alat yang cukup bagi 'melayakkan' mereka menjadi ulama seterusnya berkhidmat dalam masyarakat.

Tambahan pula, majoriti golongan konservatif juga memonopoli dan memegang jawatan penting dalam institusi agama di peringkat negeri seperti mufti, sheikhul Islam dan kadi bahkan turut memimpin institusi agama Islam di peringkat negeri seperti majlis agama khususnya di negeri-negeri Melayu beraja. Sebab itulah, pengaruh Kaum Tua juga sangat dominan di negeri-negeri Melayu berbanding Negeri-negeri Selat (NNS) kerana mereka sudah menguasai institusi agama di peringkat negeri sejak sekian lama sekali gus institusi agama ini menjadi kubu kuat mereka bagi mempertahankan aliran pemikiran konservatif ini. Akibatnya, aliran progresif ini lebih subur dan berkembang pesat di NNS yang tidak mempunyai raja, bahkan ulama progresif ini juga berpeluang memegang jawatan penting dalam institusi agama di NNS seperti pengarang *al-Imam*, Haji Abbas Mohd. Taha yang pernah memegang jawatan sebagai Ketua Kadi Singapura.¹⁴ Namun begitu, pendapat bahawa ulama progresif langsung tidak berpeluang memegang jawatan penting dalam institusi agama peringkat negeri di negeri-negeri Melayu kurang tepat sebenarnya. Buktinya, Sheikh Tahir Jalaluddin, pemimpin dan pengarang *al-Imam* pernah seketika dilantik oleh Sultan Perak sebagai Mufti Perak.¹⁵ Namun beliau tidak lama memegang jawatan tersebut sebelum meletakkan jawatan kerana dirasakan 'tidak bebas' untuk mengeluarkan pendapat dan fatwa.

Bagaimana aliran progresif boleh berkembang di Tanah Melayu? Salah satu faktor utama yang membawa kepada perkembangan tersebut ialah pemergian pelajar Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah khususnya di Universiti al-Azhar yang meningkat secara mendadak sejak tahun 1920-an akibat kenaikan harga getah, sekali gus menyaksikan ramai ibu bapa mampu menghantar anak mereka untuk melanjutkan pengajian di sana.¹⁶ Sheikh Tahir Jalaluddin misalnya pernah dua tahun belajar di Universiti al-Azhar pada akhir tahun 1890-an.¹⁷ Seorang lagi tokoh islah iaitu Sayyid Sheikh al-Hadi berasal dari Melaka juga pernah dihantar oleh ayah angkatnya, Tengku Ali Kelana Riau untuk belajar di Mesir.¹⁸ Selain itu, pemikiran aliran progresif tidak hanya tertumpu kepada lepasan Mesir sahaja, kerana terdapat juga lepasan Makkah yang terpengaruh dengan pemikiran progresif. Namun begitu, majoriti penyokong aliran progresif sama ada mereka ialah lepasan Mesir, pernah berjumpa dengan tokoh islah di Mesir seperti Rashid Rida, atau terpengaruh dengan perkembangan idea islah yang berkembang di Mesir yang dicetuskan oleh tiga tokoh islah yang penting dalam Dunia Islam pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 iaitu Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad Abduh dan Rashid Rida. Apabila mereka menamatkan pengajian dan pulang ke tanah air, golongan inilah yang mencetuskan konflik progresif - konservatif di Tanah Melayu.

Apabila pelajar ini pulang ke tanah air setelah menamatkan pengajian, kebanyakan mereka lantang menyuarakan pendapat mereka yang cenderung kepada aliran progresif sekali gus mencetuskan konflik agama dalam masyarakat Melayu. Hal ini kerana kebanyakan mereka

bukan sahaja terdedah kepada gerakan islah di Mesir, tetapi juga terdedah kepada amalan dan pembelajaran pelbagai mazhab di Timur Tengah sehingga menyebabkan ulama konservatif di Tanah Melayu menggelarkan mereka sebagai 'Kaum Muda'.

Pada masa yang sama, pengaruh konservatif yang tidak terlalu menonjol di NNS juga menyaksikan akhbar-akhbar bercorak islah seperti *al-Imam* yang dipimpin oleh beberapa penulis seperti Sheikh Tahir Jalaluddin, Sayyid Sheikh al-Hadi, Haji Abbas bin Muhammad Taha dan Sheikh Muhammad bin Salim al-Kalali dapat diterbitkan dengan bebas di Singapura.¹⁹ Bahkan beberapa akhbar lain bercorak islah lain di NNS seperti *al-Ikhwan*, *Saudara*, dan *Neracha* juga dapat diterbitkan dengan bebas oleh Sayyid Sheikh al-Hadi di Pulau Pinang.²⁰ Hal ini menunjukkan bahawa penerbitan akhbar bercorak islah di NNS berjalan lancar tanpa 'diganggu' oleh pengaruh golongan konservatif atau Kaum Tua ini.

Pada peringkat awal, konflik antara ulama konservatif dengan ulama progresif hanya berlaku dalam permasalahan agama sahaja. Namun begitu, konflik tersebut kemudian berkembang sehingga melibatkan persoalan mengenai semangat nasionalisme yang berlatarbelakangkan agama Islam.²¹ Meskipun konflik aliran progresif dan konservatif dalam permasalahan agama ini merosot seketika selepas Perang Dunia Kedua hingga era perjuangan nasionalisme diikuti kemerdekaan Tanah Melayu, namun benih konflik ini sebenarnya masih 'tertanam' dalam perjuangan parti politik bercorak Islam selepas itu.²² Oleh itu, dapat dikatakan bahawa konflik aliran progresif dan konservatif ini tidak pernah padam dan tidak akan berakhir selagi umat Islam di Tanah Melayu terus menyambung pengajian dalam bidang agama di luar negara khususnya di Timur Tengah, India dan Dunia Islam yang lain, selain terdedah kepada pandangan pelbagai mazhab *Ahli Sunnah Wal Jamaah*.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa konflik aliran progresif dan konservatif hanya berlaku dalam isu-isu akidah dan fikah yang melibatkan mazhab-mazhab utama dalam Islam seperti Shafie, Maliki, Hanbali dan Hanafi. Apa yang pasti, perbezaan pemikiran dan pendapat dalam soal fikah dan akidah boleh juga menggunakan pelbagai istilah lain, namun hakikatnya merujuk kepada maksud yang sama. Dalam isu ini, golongan ulama dan sarjana sering menggunakan istilah lain seperti 'perbezaan pandangan' atau 'perbezaan mazhab' bagi merujuk kepada isu fikah dan akidah. Walaupun berbeza dari segi istilah yang digunakan, namun hakikatnya semua istilah tersebut merujuk kepada asas yang sama, iaitu perbezaan pandangan dan pemikiran berkenaan hukum Islam dengan berpandukan kepada pandangan mazhab utama dalam Islam seperti Shafie, Maliki, Hanbali dan Hanafi, atau semata-mata merujuk kepada nas yang terkandung dalam al-Quran dan hadis berkenaan isu fikah dan akidah.

Konflik Aliran Progresif dan Konservatif di Tanah Melayu

Isu Ketuk-Ketuk

Antara konflik aliran progresif dan konservatif yang pernah terjadi dalam masyarakat Melayu ialah ketuk-ketuk yang tercetus sejak awal abad ke-20.²³ Pada tahun 1922, polemik mengenai penggunaan ketuk-ketuk yang disyaki menyerupai *naqus* pernah berlaku di Terengganu apabila Nazir Masjid Sultan bernama Tengku Haji Awang berpendapat bahawa penggunaan ketuk-ketuk yang menyerupai *naqus* dibolehkan oleh hukum syarak berdasarkan hujah yang dikemukakan

oleh ulama Makkah, Abdullah bin Salih.²⁴ Persoalan tersebut kemudian dikemukakan kepada Pejabat Menteri Kelantan.

Namun begitu, isu ketuk-ketuk yang paling terkenal pernah berlaku dalam masyarakat Melayu terjadi di Melaka pada awal tahun 1930-an. Isu ini timbul setelah ada pihak menyatakan ketuk-ketuk yang digunakan oleh orang Melayu dengan *naqus* yang digunakan oleh orang Kristian. Walau bagaimanapun, seorang ulama yang terkenal dari Melaka iaitu Haji Abdul Latif bin Haji Tambi sebaliknya berpendapat bahawa ketuk-ketuk boleh digunakan oleh masyarakat Melayu khususnya di Melaka kerana tidak menyerupai *naqus* yang digunakan oleh penganut Kristian.²⁵ Perbahasan mengenai masalah ketuk-ketuk dalam kalangan orang Melayu di Melaka sebenarnya telah dimulakan oleh seorang ulama dari Yaman iaitu Sheikh Hasan al-Yamani yang telah melawat Melaka selama dua minggu.²⁶ Beliau bertindak mengharamkan penggunaan ketuk-ketuk kerana menyerupai *naqus* yang digunakan oleh penganut Kristian ketika beribadat.²⁷ Perselisihan pendapat tersebut mengakibatkan beberapa ketuk-ketuk telah dicuri di beberapa buah masjid di Melaka.²⁸ Malah isu ini menjadi lebih besar apabila beberapa masjid pula telah menggantikan ketuk-ketuk dengan beduk.

Beberapa ulama Melaka diketuai oleh Tuan Lebai Ahmad Kadi, Tuan Kadi Haji Siddiq dan Tuan Haji Muhammad Haji Hasan telah menemui Haji Abdul Latif bagi membincangkan hasrat mereka untuk menganjurkan sebuah majlis muzakarah bagi menyelesaikan polemik tersebut. Idea asal untuk menganjurkan majlis muzakarah tersebut sebenarnya telah dikemukakan oleh Haji Abdul Latif bin Haji Tambi dalam ceramahnya di Masjid Kling, Melaka pada 2 September 1932.²⁹ Dalam ceramah tersebut, beliau telah menyeru supaya ulama-ulama yang ada di Melaka perlu mengadakan sebuah majlis muzakarah bagi memutuskan pelbagai masalah agama.

Pada 17 September 1932, Majlis Muzakarah Ulama Melaka akhirnya telah diadakan di Masjid Kling, Melaka bagi membahaskan hukum penggunaan ketuk-ketuk. Majlis muzakarah tersebut bukan sahaja dihadiri oleh ramai hadirin dari seluruh negeri Melaka, tetapi turut dihadiri 16 orang ulama selaku tetamu. Ahli muzakarah pula terdiri daripada enam orang ulama iaitu Haji Abdul Latif bin Haji Tambi, Haji Khalil bin Haji Hasan, Haji Ahmad bin Penghulu Haji Qasim, Haji Abdul Rahman bin Tipin, Haji Muhammad Sa'id bin Haji Abdul Ghani dan Haji Yusuf bin Haji Abdul Rahman. Jawatan selaku jurutulis pula diserahkan kepada Muhammad Syah bin Yusuf. Orang tengah atau hakim yang telah dilantik terdiri daripada Demang Haji Abdul Ghani, Muhammad bin Haji Abdul Rahman, Haji Abdul Latif Imam (Imam Masjid Kling, Melaka), Haji Muhammad Nur al-Din (Imam Bandar Hilir, Melaka) dan Hashim bin Haji Abu Bakar (Bendahari Masjid Kling, Melaka).³⁰ Terdapat seorang hadirin yang telah menghadiri majlis muzakarah tersebut telah menulis surat kepada *Suara Benar* bagi melahirkan rasa kesalnya atas tindakan pihak penganjur majlis muzakarah tersebut yang tidak membuka muzakarah tersebut untuk tatapan umum, sebaliknya dibuka kepada golongan tertentu yang mempunyai pas masuk sahaja.³¹ Beliau juga menimbulkan persoalan mengapa majlis muzakarah tersebut tidak diadakan di dalam masjid yang lebih luas dan lapang.

Walaupun bagaimanapun, Haji Abdul Latif menegaskan dalam majlis muzakarah tersebut bahawa ketuk-ketuk yang dimaksudkan tidak dapat dipastikan sebagai *naqus* yang haram digunakan kerana menyerupai ibadat penganut Kristian. Menurut Haji Abdul Latif lagi, sifat dan ciri fizikal ketuk-ketuk jelas berbeza dengan *naqus* yang digunakan oleh penganut Kristian. Hal ini kerana ketuk-ketuk yang digunakan oleh orang Melayu merupakan kayu panjang dan bulat

yang berlubang dan berongga. Ketuk-ketuk dipukul menggunakan pemukul kecil untuk memberitahu masuknya waktu sembahyang, masuk waktu sahur dan imsak, masuk waktu berbuka puasa, mengaji, memberi nasihat serta memanggil untuk mesyuarat, dan tidak hanya digunakan untuk memanggil orang bagi menunaikan sembahyang. Beliau juga telah mengemukakan fatwa ulama Makkah yang mengharuskan penggunaan ketuk-ketuk kerana langsung tidak menyerupai *naqus*, malahan *naqus* juga sudah tidak dipakai lagi oleh penganut Kristian pada hari ini yang menggunakan loceng.³² Beliau akhirnya menyimpulkan bahawa hukum menggunakan ketuk-ketuk adalah harus.

Namun begitu, majoriti ahli muzakarah tidak bersetuju dengan pandangan Haji Abdul Latif kerana mereka berpendapat bahawa ketuk-ketuk yang sedang dibahaskan sebenarnya merupakan *naqus* yang diharamkan oleh Islam. Meskipun pelbagai bukti dan contoh telah dikemukakan dalam perbincangan tersebut bagi mengukuhkan hujah masing-masing, namun tiada sebarang keputusan berjaya dicapai akibat kegagalan para hakim mencapai persetujuan. Majoriti ahli muzakarah akhirnya bersetuju bahawa persoalan tersebut akan dihantar oleh Haji Abdul Latif berserta gambar ketuk-ketuk dan sebuah contoh ketuk-ketuk kepada ulama al-Azhar.³³ Hal ini supaya mereka dapat mengeluarkan fatwa yang akan diikuti oleh semua ahli muzakarah dan dapat dipakai oleh umat Islam di Melaka.

Isu Jilatan Anjing

Isu jilatan anjing merupakan antara konflik aliran progresif dan konservatif yang pernah berlaku dalam masyarakat Melayu. Antara isu jilatan anjing yang pernah menggemparkan masyarakat Melayu ialah perbahasan mengenai isu jilatan anjing yang pernah berlaku di Kelantan pada akhir tahun 1930-an. Perdebatan tersebut berlaku apabila Haji Nik Abdullah iaitu anak kepada Haji Wan Musa, bekas Mufti Kelantan berpendapat bahawa jilatan anjing tidak perlu disamak mengikut mazhab Maliki, berbeza dengan mazhab Shafie yang mewajibkan samak bagi menjawab pertanyaan Tengku Ibrahim. Pertanyaan tersebut dikemukakan oleh Tengku Ibrahim disebabkan beliau teringin memelihara anjing. Tengku Ibrahim atau Raja Kelantan merupakan adik kepada Sultan Kelantan, Sultan Ismail (1920-1943). Samak merupakan satu cara penyucian yang dilakukan ke atas tiap-tiap anggota manusia dengan menggunakan tanah sebanyak satu kali dan air sebanyak enam kali.³⁴ Beliau juga menekankan keharusan mengamalkan mana-mana pandangan mazhab Shafie, Maliki, Hanbali dan Hanafi meskipun diamalkan secara bercampur-campur. Pandangan tersebut akhirnya sampai ke pengetahuan Tengku Maharani, adik kepada Sultan Ismail lalu dimaklumkan kepada ulama Kaum Tua. Akibatnya, ulama Kaum Tua diketuai Mufti Kelantan, Haji Ibrahim bin Haji Yusof bersama-sama Haji Ahmad Mahir bin Haji Ismail, Haji Abdullah Tahir bin Haji Ahmad dan Haji Abdul Manan telah menentang pandangan tersebut secara terbuka.³⁵ Haji Nik Abdullah tidak sempat mempertahankan pandangannya setelah meninggal dunia pada tahun 1935.³⁶ Akhirnya perjuangan bagi mempertahankan pandangan tersebut diteruskan oleh ayah Haji Nik Abdullah iaitu Haji Wan Musa.

Bagi meredakan ketegangan yang semakin memuncak antara kedua-dua belah pihak, Sultan Ismail telah menganjurkan sebuah majlis muzakarah di Istana Sri Cemerlang, Kota Bharu pada tahun 1937. Pihak yang menyokong pandangan Haji Nik Abdullah diwakili oleh ayahnya sendiri iaitu Haji Wan Musa serta Kadi Singapura, Haji Abbas Mohd. Taha dan Setiausaha Majlis Ulama Singapura, Dr. Burhanuddin al-Helmy. Pihak yang menentang pandangan tersebut

pula diwakili oleh Mufti Kelantan, Haji Ibrahim dan Ketua Kadi Kelantan, Haji Ahmad Mahir.³⁷ Kegagalan mencapai kata sepakat antara kedua-dua belah pihak dalam majlis muzakarah tersebut menyebabkan Sultan Ismail selaku hakim tidak dapat memberikan sebarang keputusan.³⁸ Baginda sebaliknya menyerahkan kepada orang ramai bagi memilih pandangan Haji Wan Musa dan anaknya Haji Nik Abdullah, ataupun pandangan Mufti Kelantan, Haji Ibrahim.

Lanjutan daripada perbahasan tersebut, Tengku Ibrahim telah memohon fatwa kepada Jawatankuasa Fatwa al-Azhar dengan mengemukakan tiga persoalan, iaitu hukum memelihara anjing untuk menjaga keselamatan, hukum merujuk kepada gabungan pandangan mazhab Maliki dan mazhab Shafiie apabila terkena jilatan anjing, dan pandangan mazhab Maliki yang tidak mengharuskan samak setelah dijilat anjing, iaitu sama ada menyalahi hukum Islam ataupun tidak. Dalam jawapannya, Ketua Jawatankuasa Fatwa al-Azhar iaitu Sheikh Muhammad Fahm memberikan jawapan yang positif bagi dua soalan awal, sebaliknya memberikan respons negatif bagi soalan terakhir, iaitu tidak menyalahi hukum Islam.³⁹ Haji Wan Musa pula telah menghasilkan sebuah risalah yang membincangkan pendapat kedua-dua belah pihak berkenaan hukum membela anjing dan jilatan anjing, malah turut mengemukakan pandangan Mufti Mesir iaitu Sheikh Mustafa al-Maraghi yang selari dengan pandangan beliau.⁴⁰ Haji Abbas Mohd. Taha pula telah menghasilkan sebuah buku berkenaan hukum jilatan anjing berdasarkan pandangan keempat-empat mazhab fiqah yang utama dalam Islam berjudul *Risalah Penting Pada Masalah Jilat Anjing di atas Empat Mazhab*.⁴¹

Hasil daripada penganjuran majlis muzakarah tersebut, masyarakat Melayu khususnya di Kelantan mula menunjukkan minat yang mendalam bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan masalah jilatan anjing. Pada 20 November 1937, Shamsuddin bin Abdul Samad yang berasal dari Pasir Tumboh, Kelantan telah mengemukakan enam soalan berkenaan hukum jilatan anjing kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).⁴² Dalam jawapannya, Setiausaha MAIK telah meminta Shamsuddin merujuk kepada rencana berkenaan masalah jilatan anjing yang telah dibincangkan secara panjang lebar dalam majalah *Pengasoh*.⁴³ Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu Kelantan ketika itu mula peka terhadap pelbagai pandangan mazhab dan pendapat ulama berkaitan isu-isu fikah, termasuklah isu jilatan anjing kerana mereka sebelum ini hanya terdedah kepada pandangan mazhab Shafie sahaja.

Isu Bacaan Usalli

Polemik agama dalam masyarakat Melayu juga melibatkan masalah bacaan *usalli* (lafaz niat ketika hendak memulakan solat) yang pernah berlaku di Kelantan pada akhir tahun 1910-an dan awal 1920-an. Antara ulama yang berpendapat bahawa lafaz *usalli* bukan merupakan amalan sunat, dan tidak termasuk dalam takrif niat ialah bekas Mufti Kelantan, Haji Wan Musa.⁴⁴ Pendapat Haji Wan Musa juga selari dengan pendapat seorang lagi tokoh islah yang terkenal iaitu Sheikh Tahir Jalaluddin.⁴⁵ Malah majoriti ulama progresif juga berpendapat bahawa lafaz *usalli* hanyalah amalan sunat sebagaimana pendapat beliau.

Walau bagaimanapun, pandangan Haji Wan Musa berbeza dengan pandangan ulama Kaum Tua khususnya di Kelantan yang berpendapat bahawa lafaz *usalli* merupakan lafaz kepada niat sembahyang, sekali gus menyebabkan lafaz *usalli* hanya sunat dilafazkan sebagaimana niat fardu ibadah haji yang sunat dilafazkan mengikut lafaz yang diucapkan oleh Nabi Muhammad

SAW. Menurut Haji Wan Musa, niat ialah suatu azam yang tersemat dalam hati yang kemudiannya diikuti pula dengan sesuatu perbuatan demi memenuhi kehendak azam tadi.⁴⁶ Menurut beliau lagi, apabila sesuatu azam hati itu dikhabarkan secara perkataan sama ada melalui lisan mahupun tulisan, maka beliau berpendapat bahawa ungkapan yang demikian hanyalah ibarat huraian daripada niat sembahyang.

Meskipun polemik tersebut telah bermula pada tahun 1918 iaitu ketika Haji Wan Musa kembali dari Terengganu, namun polemik tersebut menjadi satu perdebatan hangat pada tahun 1921 akibat perselisihan pendapat antara ulama yang menyokong pandangan Sidi Azhari dan kegiatan tarekatnya, dengan ulama yang menentangnya.⁴⁷ Jelaslah di sini bahawa isu bacaan *usalli* pernah menggemparkan masyarakat Melayu akibat pertembungan antara aliran pemikiran progresif dan konservatif.

Isu Tarekat

Konflik aliran progresif dan konservatif dalam masyarakat Melayu juga melibatkan isu tarekat. Secara umumnya, tarekat bermaksud jalan untuk mencapai kebenaran, khususnya dalam ilmu tasawuf.⁴⁸ Tarekat berasal daripada bahasa Arab iaitu *tariqah* yang bermaksud jalan atau cara. Dalam ajaran tasawuf, tarekat adalah jalan atau cara yang harus ditempuh oleh seseorang menuju Tuhan, iaitu dengan menyucikan diri sehingga dapat mendekati diri dengan Allah SWT.⁴⁹ Terdapat beberapa tarekat yang terkenal dalam masyarakat Melayu seperti tarekat Naqsyabandiyah, Muhammadiyah, Ahmadiyah, Shattariyah dan Saufiah.⁵⁰ Namun begitu, majoriti ulama berpendapat bahawa kebanyakan amalan tarekat adalah sesat.⁵¹

Antara amalan tarekat yang berkembang pesat di Kelantan ialah Tarekat Ahmadiyah. Tarekat tersebut telah diasaskan oleh Ahmad bin Idris yang mendakwa dirinya sebagai keturunan Nabi Muhammad SAW daripada cucu baginda iaitu Husayn. Beliau dilahirkan di Fez, Maghribi pada tahun 1757.⁵² Haji Wan Musa merupakan salah seorang ulama progresif yang menentang keras amalan tarekat, khususnya Tarekat Ahmadiyah. Tarekat tersebut diamalkan secara meluas di Kampung Laut, Tumpat pada tahun 1917 di bawah pimpinan Sidi Azahari atau nama asalnya Sheikh Abu Hasan al-Azhari yang merupakan salah seorang sheikh sufi terkenal yang berasal dari Makkah.⁵³ Perkembangan pesat Tarekat Ahmadiyah di Kampung Laut, Kelantan kemudian telah menimbulkan sedikit kekecohan. Hal ini kerana beberapa pihak yang memberi tanah dan rumah kepada Sidi Azahari termasuklah Haji Wan Musa meminta beliau berpindah dari situ.⁵⁴ Haji Ahmad Abdul Manam juga mendakwa beliau hanya memberi kelengkapan untuk membuat rumah dan tidak mewakafkannya.

Namun begitu, kritikan Haji Wan Musa terhadap amalan Tarekat Ahmadiyah yang berkembang pesat di surau tersebut tidak dipersetujui oleh Haji Ahmad Manam dan Haji Nik Wan Abdullah serta pengikut-pengikutnya.⁵⁵ Hal ini berpunca daripada pandangan penyokong Sidi Azahari sendiri yang terpengaruh dengan kedudukan dan taraf beliau yang dikatakan sebagai bertaraf seorang ‘wali’. Walau bagaimanapun, Setiausaha Kerajaan Kelantan akhirnya telah menulis surat kepada Sultan Muhammad Ke-4 bagi menjelaskan penyelewengan ajaran tarekat yang dipimpin oleh Sidi Azahari.⁵⁶ Akhirnya satu surat telah dihantar kepada Sidi Azhari yang meminta beliau agar keluar dari negeri Kelantan sebelum hari Sabtu, 19 Mei 1917.⁵⁷ Meskipun isu Sidi Azhari dan Tarekat Ahmadiyah akhirnya dapat dikawal di Kelantan, namun

isu tersebut menggambarkan bahawa perbezaan pandangan tentang pemikiran aliran progresif dan aliran konservatif telah menyemarakkan isu tersebut di Kelantan.

Isu Bacaan Talkin

Selain itu, konflik aliran progresif dan konservatif dalam masyarakat Melayu juga melibatkan isu bacaan talkin. Secara umumnya, talkin merupakan petunjuk atau peringatan tentang soal jawab dalam kubur yang dibacakan kepada jenazah orang Islam sebaik sahaja dikebumikan.⁵⁸ Bagi ulama konservatif, mereka berpendapat bahawa talkin dibacakan setelah jenazah ditanam. Ulama progresif pula berpendapat bahawa amalan talkin seperti itu adalah *bidaah*, dan menegaskan bahawa bacaan talkin sebenarnya merupakan bacaan kalimah “La Ilaha illa al-Allah” kepada orang yang hampir meninggal dunia dan bukannya kepada orang yang sudah meninggal dunia.⁵⁹ Secara umumnya, ulama progresif berpendapat bahawa hukum membaca talkin adalah sunat sebagaimana pandangan Sheikh al-Azhar, Sheikh Ibrahim bin Muhammad al-Barmawi.⁶⁰

Polemik berkenaan bacaan talkin juga pernah berlaku di Kampung Kedai Lalat dan Kampung Pulau Melaka di Kelantan pada tahun 1934 apabila Haji Nik Mat bin Haji Raja Ismail melaporkan kepada MAIK bahawa Khatib Surau Tokku Jembal, Nik Mat bin Raja Banjar berpendapat bahawa bacaan talkin adalah *bidaah* yang sesat.⁶¹ Bekas Mufti Kelantan, Haji Wan Musa pula berpendapat sebaliknya, iaitu hukum membaca talkin bukan sunat sebagaimana pendapat anaknya, Haji Nik Abdullah.⁶² Sebagai seorang ulama yang terpengaruh dengan aliran progresif, Haji Nik Abdullah sendiri pernah berjumpa dengan Muhammad Rashid Rida semasa melawat Mesir.⁶³ Bahkan beliau sendiri sempat menetap di sana selama beberapa bulan.

Bagi mendapatkan penjelasan lanjut, Haji Wan Musa telah mendapatkan pandangan pengarang majalah *al-Manar*, Muhammad Rashid Rida.⁶⁴ Sebelum itu pada tahun 1914, Haji Wan Musa pernah memohon pandangan pengarang majalah *al-Manar* berkenaan bacaan talkin yang sering dibaca oleh masyarakat Melayu sebagaimana yang terdapat dalam kitab *Hashiyah al-Barmawi* tulisan Ibrahim al-Barmawi terhadap kitab *Sharh Ibn al-Qasim* tulisan Ibn al-Qasim al-Ghazi kerana sebahagian masyarakat Melayu telah melakukan penambahan ayat terhadap bacaan asal yang terdapat dalam kitab tulisan al-Barmawi.⁶⁵ Dalam jawapannya, pengarang *al-Manar* menjelaskan bahawa ayat yang disebutkan oleh al-Barmawi bukanlah *sunnah* Nabi Muhammad SAW, bahkan tiada satu pun hadis bertaraf *sahih* atau *hasan* berkenaan bacaan talkin.⁶⁶ Walaupun terdapat sebuah hadis berkenaan bacaan talkin, namun hadis tersebut bertaraf *daif* atau lemah.

Namun begitu, majoriti masyarakat dan ulama Kelantan masih berpegang kepada pendapat bahawa bacaan talkin adalah sunat. Pada tahun 1923, seorang pembaca *Pengasoh* dari Kelantan berpendapat bahawa talkin adalah sunat dibacakan oleh mereka yang masih hidup bertujuan untuk mengingatkan si mati agar mengingati Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW.⁶⁷ Sebelum tahun 1934, majoriti ulama di jajahan Kota Bharu juga berpendapat bahawa bacaan talkin adalah sunat.⁶⁸ Seorang lagi ulama Kelantan yang berpendapat bahawa talkin bukan amalan sunat ialah Haji Muhammad Said.⁶⁹ Hal ini berdasarkan surat yang dihantar oleh beliau kepada Sheikh Tahir Jalaluddin yang membincangkan isu tersebut secara panjang lebar.

Polemik berkenaan bacaan talkin juga pernah berlaku di Perlis pada tahun 1931 apabila Ketua Kadi Perlis yang melawat sebuah masjid di Mukim Paya, Beseri mendapati bahawa

jemaah masjid tersebut telah berpecah kepada dua pihak disebabkan beberapa permasalahan agama. Hal ini berlaku kerana terdapat jemaah masjid tersebut yang menyokong pandangan yang menegah bacaan talkin dan beberapa amalan lain sebagaimana pandangan ulama progresif.⁷⁰ Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu ketika itu mula terdedah kepada pelbagai pendapat mazhab dan ulama, sekali gus mula mempersoalkan pegangan majoriti umat Islam di Tanah Melayu ketika itu yang berpegang kepada mazhab Shafie.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan tersebut, jelaslah bahawa konflik aliran progresif dan konservatif pernah tercetus di Tanah Melayu sekitar tahun 1910-an hingga 1930-an, dan tempoh tersebut dianggap kemuncak kepada konflik aliran pemikiran progresif dan konservatif di Tanah Melayu. Selepas itu, konflik tersebut mulai merosot akibat Perang Dunia Kedua dan perjuangan kemerdekaan sebelum kembali hangat semula selepas merdeka, iaitu pada akhir tahun 1950-an.

Isi-isu yang diketengahkan iaitu isu ketuk-ketuk yang pernah terjadi di Melaka dan Terengganu, diikuti isu jilatan anjing, isu bacaan *usalli*, isu tarekat yang berlaku di Kelantan serta isu bacaan talkin yang tercetus di Kelantan dan Perlis merupakan beberapa contoh konflik yang pernah tercetus dalam kalangan masyarakat Melayu. Perkembangan ini menggambarkan bahawa masyarakat Melayu pada awal abad ke-20 bukanlah masyarakat yang mengikut ajaran agama Islam secara membata tuli sebagaimana apa yang diajar oleh guru dan ustaz di sekolah, madrasah dan masjid, sebaliknya terdapat segelintir orang Melayu yang mula mempertikaikan kesahihan dan kewajaran ajaran guru mereka dengan merujuk pendapat mazhab-mazhab lain. Semua ini terjadi disebabkan pengaruh penerbitan *al-Imam* pada tahun 1906 yang membuka lembaran baru dalam pemikiran orang Melayu, sekali gus ‘mengisyaratkan’ bahawa orang Melayu tidak lagi jumud sepenuhnya, sebaliknya terdapat segelintir orang Melayu yang mula menyeru orang ramai agar terbuka dalam permasalahan mazhab, selain menyeru agar orang Melayu bangkit daripada kemunduran dan mengejar kemajuan.

Meskipun terdapat ulama progresif yang membawa pandangan yang berbeza mengikut mazhab lain, namun majoriti masyarakat Melayu sebenarnya lebih mengikut ajaran Islam yang telah diwarisi sejak turun-temurun. Misalnya dalam isu jilatan anjing, majoriti orang Melayu dilihat lebih ‘selesa’ mengikut pandangan mazhab Shafie yang mewajibkan samak iaitu membasuh tempat jilatan anjing dengan tujuh basuhan, dan salah satunya menggunakan air tanah berbanding pandangan mazhab lain seperti mazhab Maliki yang tidak mewajibkan samak. Jelaslah di sini bahawa fatwa ulama al-Azhar sendiripun belum tentu dapat ‘mencairkan’ pegangan orang Melayu terhadap satu permasalahan agama yang sudah sebatu dalam hidup mereka sejak nenek moyang mereka lagi. Begitulah kuatnya pegangan majoriti orang Melayu yang berpegang kepada satu mazhab sahaja iaitu mazhab Shafie sehingga pejuang aliran lain dalam *firqah Ahli Sunnah wal Jamaah* khususnya aliran progresif sendiri sukar ‘menerobos’ bentang pemahaman mereka.

Meskipun kemunculan konflik aliran progresif dan konservatif ini dilihat lebih banyak membawa kesan negatif kepada orang Melayu seperti perpecahan orang Melayu sehingga membaca kepada pergaduhan dan pertengkaran, namun satu hakikat yang perlu diakui bahawa kemunculan konflik ini mempunyai kepentingan yang tersendiri. Hal ini kerana konflik ini

sebenarnya membuka satu lembaran baru dalam sejarah pemikiran orang Melayu bahawa bangsa Melayu bukanlah satu bangsa yang jumud dalam belunggu penjajahan minda dan hanya mengikuti ajaran agama secara membabi buta, sebaliknya segelintir orang Melayu sudahpun menyeru kepada keterbukaan pemikiran dengan menyeru kepada kemajuan dan pemodenan serta mempersoalkan kesahihan ajaran agama yang dibawa oleh guru mereka agar berpandukan nas dan dalil yang betul dan jelas berpandukan al-Quran dan hadis.

Dalam hal ini, penerbitan *al-Imam* pada tahun 1906 boleh dianggap sebagai kunci utama kepada perubahan ini, dan pada masa yang sama turut menyemarakkan konflik aliran progresif dan konservatif. Bahkan golongan islah dan ulama progresif inilah yang sebenarnya bersusah payah meruntuhkan tembok pemikiran orang Melayu agar bangkit daripada kemunduran akibat penjajahan dan bersungguh-sungguh mengejar kemajuan sejak awal abad ke-20 dahulu. Merekalah sebenarnya ‘wira yang tidak didendang’ dan sumbangan mereka kadang-kadang dilupakan. Hasil perjuangan mereka, lahirlah generasi kemudian yang telah terbuka minda dan pemikiran mereka agar melakukan satu perubahan bagi membebaskan bangsa Melayu daripada belunggu penjajahan, dan mereka inilah yang kemudiannya memimpin perjuangan ke arah kemerdekaan Tanah Melayu.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur yang membantu penulis mendapatkan fail dan akhbar yang berkaitan dengan kajian ini. Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya yang sentiasa menyokong semua staf akademik dalam menghasilkan penulisan akademik.

Biodata

*Dr. Abu Hanifah Haris (abuhanifah@um.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Received: 4 April 2024

Reviewed: 18 April 2024

Accepted: 30 June 2024

Nota

¹ Saadan Man & Abdul Karim Ali, “Ikhtilaf Fiqhi di Kalangan Aliran Syafi’iyyah dan Salafiyah di Malaysia: Analisis Retrospektif Terhadap Faktor Pencetus”, *Jurnal Fiqh*, Vol. 2, 2005, hlm. 73.

² Lihat “Berbagai Pendapat Lama dan Baru Yang Bertentangan”, *Berita Harian*, 12 Januari 1964, hlm. 7.

³ Jamal al-Din al-Afghani (1839-1897) merupakan tokoh islah yang tidak asing lagi dalam Dunia Islam. Beliau terkenal sebagai seorang tokoh pemikir, wartawan dan politik. Beliau pernah menerbitkan akhbar *al-Urwah al-Wuthqa* di Paris bagi menyebarkan ide aislah serta pernah bekerjasama dengan Sultan Turki, Sultan Abdul Hamid II bagi mengembangkan gerakan pan-Islamisme. Untuk keterangan lanjut, lihat Suhaimi Mohsen, “Jamaludin Cuba Kembang Semula Sayap Islam”, *Berita Minggu*, 17 Mac 1985, hlm. 5. Muhammad Abduh (1849-1905) pula merupakan anak murid Jamal al-Din al-Afghani yang paling menonjol. Abduh pernah mengajar di Dar al-Ulum dan Universiti al-Azhar, Kaherah, selain pernah menjadi Mufti Mesir pada tahun 1889. Beliau juga banyak menyumbang dalam memajukan bidang pendidikan di Mesir. Untuk keterangan lanjut, lihat Rowland Ellis, “Mohd Abduh

Mendidek Bangsa-nya Supaya Menjadi Warga Negara Yg Bertanggung-jawab”, *Berita Harian*, 3 Mac 1963, hlm. 4; Putra Islam, “Shaikh Abduh Yg Tidak Menentang Ilmu Kemajuan Barat”, *Berita Harian*, 28 Julai 1972, hlm. 4. Muhammad Rashid Rida (1865-1935) berasal dari Syria sebelum berhijrah dan menerap di Mesir. Beliau merupakan anak murid Muhammad Abduh dan terkenal sebagai pengarang majalah *al-Manar*. Lihat Mohd Kamsah Sirat, “Rashid Redha Pengecham Aspek2 Perjuangan Nasionalisma di-Mesir”, *Berita Harian*, 11 Ogos 1972, hlm. 4.

⁴ Untuk perbincangan lanjut tentang perselisihan antara Kaum Muda dengan Kaum Tua, lihat Ahmad Senusi Mohd. Salleh, “Kaum Muda dan Kaum Tua dalam Sejarah Tanah Melayu”, *Dian*, Bil. 134, September 1980, hlm. 23-24; Zainal Lembang, “Modernisen dlm Politik Islam di-Malaya”, *Berita Harian*, 31 Januari 1963, hlm. 4. Lihat juga laporan Haji Abdul Majid Zainuddin berkenaan Kaum Muda dalam Notes on “Kaum Muda”, 25 November 1931, dan Notes on “Kaum Muda”, 10 Ogos 1933, dalam BR Pahang 99/1937, Kaum Muda. Terdapat juga beberapa tesis dan disertasi yang membahaskan konflik Kaum Muda – Kaum Tua, misalnya Md. Ashih Yaakub, “Konflik di antara Kaum Muda dan Kaum Tua di Kelantan: Rujukan Kepada Kitab Tazkiah al-Anzar dan al-Qawl al-Mufid”, Disertasi M.A., Universiti Malaya, 2010.

⁵ William Roff, “Kaum Muda – Kaum Tua: Innovation and Reaction amongst the Malays, 1900-1941”, dalam K.G. Tregonning (ed.), *Papers on Malayan History*, Singapura: Journal South-East Asian History, 1962, hlm. 162-192; William R. Roff, “Kaum Muda - Kaum Tua: Innovation and Reaction amongst the Malays, 1900-1941”, Kertas Kerja Dibentangkan dalam Seminar ‘Readings on Islam in Southeast Asia’, ISEAS, Singapura, 1985, hlm. 123-129.

⁶ William Roff, “Kaum Muda – Kaum Tua”, hlm. 165.

⁷ Lihat “Al Imam Majallah Yang di-anggap Pelopor 'Kaum Muda' (1906-1908)”, *Berita Harian*, 6 Jun 1971, hlm. 6. Roff dilaporkan menyatakan sedemikian pada tahun 1963 iaitu ketika beliau sedang berkhidmat sebagai penyelidik di *Australian National University* di Canberra, Australia.

⁸ *Al-Ikhwan*, Jil. 3, Bil. 7, 16 Mac 1929, hlm. 215.

⁹ Lihat William R. Roff, “Kaum Muda – Kaum Tua; Innovation and Reaction amongst the Malays, 1900-1941”, dalam K. G. Tregonning (ed.), *Papers on Malayan History*, Singapura: Journal of South-East Asian History, 1962, hlm. 178-179.

¹⁰ Zainal Lembang, “Modernisen dlm Politik Islam di-Malaya”, *Berita Harian*, 31 Januari 1963, hlm. 4.

¹¹ Lihat “Al Imam Majallah Yang di-anggap Pelopor 'Kaum Muda' (1906-1908)”, *Berita Harian*, 6 Jun 1971, hlm. 6.

¹² Lihat “Tidak Ada Kaum Tua atau Muda dalam Islam”, *Berita Harian*, 11 Mac 1969, hlm. 2.

¹³ Terdapat tulisan berkenaan pemikiran dan kegiatan Kaum Muda yang pernah berlaku di Minangkabau, Indonesia dalam Saidul Amin, “Perdebatan Kaum Tua dan Kaum Muda di Minangkabau dalam Beberapa Masalah Pemikiran Islam”, Disertasi M.A., Universiti Malaya, 2003.

¹⁴ Lihat “Chief Kathi to Broadcast”, *The Straits Times*, 2 Mac 1940, hlm. 11; “Chief Kathi to Broadcast”, *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 2 Mac 1940, hlm. 5.

¹⁵ Lihat perbincangan lanjut tentang latar belakang dan sumbangan Sheikh Tahir Jalaluddin dalam Ibnu Haniffah, “Buku2 Uagama di-Indonesia”, *Berita Harian*, 3 Jun 1962, hlm. 7.

¹⁶ Menurut Roff, terdapat sekitar 50 hingga 60 pelajar dari Indonesia, dan 20 pelajar dari Semenanjung Tanah Melayu dan selatan Thailand pada tahun 1919 di Kaherah, Mesir. Lihat William R. Roff, “Indonesian and Malay Student in Cairo in the 1920’s”, *Indonesia*, Vol. 9, 1970, hlm. 73-74.

¹⁷ Haji Sulaiman Jeem, “Syekh Tahir Ahli Falak, Ahli Politik dan Ulama Luar Biasa”, *Berita Harian*, 13 Ogos 1999, hlm. 19.

¹⁸ Sayyid Sheikh al-Hadi (1867-1934) juga terkenal dengan gelaran ‘Wan Anum’ di Melaka. Untuk keterangan lanjut, lihat Sulaiman Jeem, “A[r]kitek Perubahan Suatu Zaman Cemerlang: Syed Sheikh Alhadi”, *Berita Harian*, 2 Januari 1977, hlm. 3; Sulaiman Jeem, “Sumbangan Besar Syed Sheikh Alhadi”, *The Straits Times*, 15 November 1982, hlm. 4.

¹⁹ Sulaiman Jeem, “Tokoh”, *Berita Harian*, 24 April 1977, hlm. 3.

²⁰ A. Ghani Hamid, “Syed Syekh Al-Hadi Tokoh Sastera Ulung”, *Berita Harian*, 4 Mac 1991, hlm. 5.

²¹ Ahmad Senusi Mohd. Salleh, “Kaum Muda dan Kaum Tua dalam Sejarah Tanah Melayu”, *Dian*, Bil. 134, September 1980, hlm. 23-24.

²² Parti politik Islam yang dimaksudkan ialah Hizbul Muslimin yang ditubuhkan pada tahun 1948 dan PAS yang ditubuhkan pada tahun 1951. Sebaik sahaja Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, benih konflik tersebut terus bercambah semula. Lihat misalnya peristiwa Tuan Haji Hussin Umbai seorang ulama yang berasal dari Umbai, Melaka ketika menyampaikan ceramah di Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 2 Februari 1959 yang mendakwa bahawa aliran Kaum Muda yang berkembang di Kuala Pilah, dianggap sebagai, “...kaum yang sesat

telah terkeluar dari ugama Islam”. Untuk keterangan lanjut, lihat “Mereka itu 'Kaum Muda' Kata Ulama”, *Berita Harian*, 2 Februari 1959, hlm. 5.

²³ Perbincangan mengenai ketuk-ketuk sebenarnya telah dibicarakan lebih awal dalam majalah *al-Imam*, iaitu sejak tahun 1908 lagi. Lihat *al-Imam*, Jil. 2, Bil. 11, 3 Mei 1908, hlm. 351-352. *al-Imam* yang diterbitkan pada tahun 1906 dan dipimpin oleh Sheikh Tahir Jalaludin dan Sayyid Sheikh al-Hadi sebagai salah seorang pengarang merupakan akhbar Melayu pertama berunsurkan Islam yang diterbitkan di Tanah Melayu berbanding akhbar lain yang bertemakan sastera dan sosial seperti *Jawi Peranakan* yang merupakan akhbar Melayu pertama yang diterbitkan di Tanah Melayu pada tahun 1876 selain *Najmul Fajar*, *Shamsul Fajar*, *Sekolah Melayu*, dan *Bintang Timur*. Lihat Ismail Pantek, “S’pura Tempat Akhbar2 Melayu Mula bertapak”, *Berita Harian*, 10 September 1985, hlm. 5. Sebuah lagi majalah Melayu yang dianggap sebagai penerus perjuangan *al-Imam* ialah majalah *al-Munir* (1911-1916) yang diterbitkan pada bulan April 1911 oleh Haji Abdullah Ahmad di Padang, Indonesia. Penerbitannya terhenti pada tahun 1916 akibat kebakaran yang dialami oleh syarikat percetakan beliau. *al-Munir* juga menyokong pandangan *al-Manar* berkaitan keharusan mengambil gambar menggunakan kamera. Lihat Azyumardi Azra, “The Transmission of *al-Manar*’s Reformism to the Malay-Indonesian World: The Case of *al-Imam* and *al-Munir*”, dalam Stephane A Dudoignon, Komatsu Hisao & Kosugi Yasushi (ed.), *Intellectuals in Modern Islamic World: Transmission, Transformation, Communication*, London: Routledge, 2006, hlm. 153-155. Untuk maklumat lanjut tentang penerbitan *al-Munir*, lihat Syamsuri Ali, “*al-Munir* dan Wacana Pembaharuan Pemikiran Islam, 1911-1915”, Tesis M.A., IAIN Imam Bonjol, Padang, 1997.

²⁴ Memorandum, Pejabat Agama Kerajaan Terengganu, 18 Rejab 1340 (12 Mac 1922), dalam Kel. PM 383/1340, Surat Berkenaan Dengan Naqus.

²⁵ Mohammad Redzuan Othman, “The Middle East Influence on the Development of Religious and Political Thought in Malay Society, 1880-1940”, Tesis Ph.D., University of Edinburgh, 1994, hlm. 252. Untuk keterangan lanjut tentang Haji Abdul Latif, lihat Abdul Rahim Abdullah, “Haji Abdul Latiff Haji Tambi – Penulis Buku-Buku Agama Sebelum Perang Dunia Kedua”, dalam Abdul Latif Abu Bakar (ed.), *Warisan Sastera Melaka*, Melaka: Lembaga Bahasa Melayu, 1984, hlm. 95-112.

²⁶ *Suara Benar*, Jil. 1, Bil. 49, 21 Februari 1933, hlm. 6.

²⁷ *Suara Benar*, Jil. 1, Bil. 21, 11 November 1932, hlm. 2. *Naqus* merupakan kayu panjang yang dipukul oleh orang-orang Nasrani (Kristian) di dalam gereja sewaktu mereka hendak menunaikan upacara ibadat. Lihat *Suara Benar*, Jil. 1, Bil. 4, 13 September 1932, hlm. 2.

²⁸ *Suara Benar*, Jil. 1, Bil. 17, 28 Oktober 1932, hlm. 4. Beduk adalah sejenis gendang besar yang terdapat di surau, masjid dan lain-lain tempat. Lihat *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010, hlm. 146. Kes kecurian ketuk-ketuk turut dilaporkan berlaku di Klang, Selangor yang didakwa telah dicuri oleh golongan progresif atau Kaum Muda. Lihat Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, hlm. 308.

²⁹ Sila lihat “Majlis Muzakarah Ulama Melaka Yang Pertama Kali”, *Suara Benar*, Jil. 1, Bil. 3, 9 September 1932, hlm. 1.

³⁰ *Suara Benar*, Jil. 1, Bil. 6, 20 September 1932, hlm. tambahan.

³¹ *Suara Benar*, Jil. 1, Bil. 7, 23 September 1932, hlm. 1.

³² *Suara Benar*, Jil. 1, Bil. 6, 20 September 1932, hlm. tambahan. Untuk maklumat lanjut tentang perbincangan dan penganjuran majlis muzakarah tersebut, lihat Abu Hanifah Haris, “*Suara Benar* dan Polemik Berkenaan Isu Ketuk-Ketuk di Melaka, 1932-1933”, *Purba*, Bil. 33, 2014, hlm. 114-130.

³³ *Suara Benar*, Jil. 1, Bil. 6, 20 September 1932, hlm. tambahan. Pertanyaan mengenai status penggunaan ketuk-ketuk dalam kalangan masyarakat Melayu sebenarnya pernah dikemukakan oleh seorang pembaca *al-Manar* bernama Abdul Hafiz kepada pengarang *al-Manar*, Muhammad Rashid Rida pada tahun 1911. Lihat *al-Manar*, Jil. 14, Bil. 4, 26 Julai 1911, hlm. 502-506.

³⁴ Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan, “Tariq Shah Waliullah al Dihlavi di Jajahan Kota Bharu, 1934-1950”, Tesis M.A., Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977, hlm. 149. Ketika pemerintahan Sultan Ismail, baginda telah memperkenalkan satu jawatan baru di bawah Enakmen Majlis Agama 1938 iaitu jawatan Mufti Khas. Lihat Clive Samuel Kessler, “Islam and Politics in Malay Society: Kelantan 1886-1969”, Tesis Ph.D., University of London, 1974, hlm. 288.

³⁵ Untuk maklumat lanjut tentang latar belakang Haji Ibrahim bin Haji Yusof, lihat Badriyah Haji Salleh & Azmi Mohd. Nasir, “Dua Orang Tokoh Agama”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 13, 1984, hlm. 47-56.

³⁶ Nik Abd. Aziz Hj. Nik Hassan, “Perbincangan Tentang Jilatan Anjing: Suatu Perhatian”, *Jebat*, Bil. 9, 1979, hlm. 173-175.

- ³⁷ Muhammad Salleh Wan Musa & S. Othman Kelantan, "Theological Debates: Wan Musa b. Haji Abdul Samad and His Family", dalam William R. Roff (ed.), *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay States*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974, hlm. 160. Kumpulan yang menyokong pandangan Haji Wan Musa juga terdiri daripada anaknya sendiri iaitu Haji Nik Mohd. Nazir bin Haji Wan Musa. Lihat Mohd. Sarim Haji Mustajab, "Islam dan Perkembangannya Dalam Masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, 1900-1940an", Tesis M.A., Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975, hlm. 144-145.
- ³⁸ Lihat Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Sejarah Pergerakan Ulama Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1977, hlm. 130.
- ³⁹ William R. Roff, "Whence Cometh the Law? Dog Saliva in Kelantan, 1937", *Comparative Studies in Society and History*, Vol. 25, No. 2, 1983, hlm. 336.
- ⁴⁰ Nik Abd. Aziz Hj. Nik Hassan, "Perbahasan Tentang Jilatan Anjing", hlm. 177.
- ⁴¹ Lihat Abbas Mohd. Taha, *Risalah Penting Pada Masalah Jilat Anjing di atas Empat Mazhab*, Muar: Muhammadiyah Press, 1937.
- ⁴² Shamsuddin bin Abdul Samad kepada Setiausaha MAIK, 20 November 1937, dalam MAIK 547/1937, Minta Anggota-Anggota Majlis Agama Islam Jawab di atas Masalah-Masalah Suci Anjing Pada Mazhab Malik dan Najis Pada Mazhab Shafie Itu.
- ⁴³ Setiausaha MAIK kepada Shamsuddin bin Abdul Samad, 23 November 1937, dalam MAIK 547/1937, Minta Anggota-Anggota Majlis Agama Islam Jawab di atas Masalah-Masalah Suci Anjing Pada Mazhab Malik dan Najis Pada Mazhab Shafie Itu. Lihat juga *Pengasoh*, Jil. 20, Bil. 609, 6 Mei 1937, hlm. 1-2; *Pengasoh*, Jil. 20, Bil. 633, 21 Oktober 1937, hlm. 1-2.
- ⁴⁴ Nik Abdul Aziz Nik Hassan, "Pendekatan Pengajaran Islam di Negeri Kelantan di antara Tahun 1860 Sehingga Tahun 1940", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 11, 1982, hlm. 55.
- ⁴⁵ Lihat Muhammad Tahir Jalaluddin, *Risalah Penebas Bidaah di Kepala Batas*, Pulau Pinang: Persama Press, 1953, hlm. 13.
- ⁴⁶ Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan, "Tariq Shah Waliullah al Dihlavi", hlm. 64. Untuk maklumat lanjut, lihat Abu Hanifah Haris, *Pengaruh Mesir Terhadap Masyarakat Melayu, 1906-1970: Daripada al-Imam Sehingga Kebangkitan Semua Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2019, hlm. 73-74.
- ⁴⁷ Mohd. Sarim Haji Mustajab, "Islam dan Perkembangannya", hlm. 80.
- ⁴⁸ Kamus Dewan, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010, hlm. 1609. Tarekat juga merujuk kepada jalan yang penting untuk memperbaiki jiwa atau kerohanian dalam diri manusia. Seseorang yang bergelumang dan sebat dengan maksiat memerlukan kaedah yang khusus bagi membersihkan jiwa agar dapat berubah perlahan-lahan ke arah yang lebih makruf. Dalam hal ini, kaedah tarekat merupakan kaedah yang terbaik dalam melakukan tarbiah secara kerohanian khususnya bagi mereka yang mempunyai kesakitan rohani dan intelek. Lihat Mohd Faizal Harun & Muhamad Hazwan Abd Razak, *Sejarah Tarekat: Pertumbuhan dan Penyebaran di Dunia Islam*, Sintok: UUM Press, 2018, hlm. 4.
- ⁴⁹ K.H. Muhammad Sholikhin, *Menyatu Diri Dengan Ilahi*, Yogyakarta: Penerbit NARASI, 2010, hlm. 342. Untuk maklumat lanjut tentang latar belakang tarekat, lihat "Adakah Tarekat dlm Islam?", *Berita Minggu*, 11 Ogos 1985, hlm. 5.
- ⁵⁰ Untuk maklumat lanjut tentang Tarekat Saufiah, lihat Abdul Majid Tahir, "Asal Usul Mengenai Tarikat Saufiah", *Berita Harian*, 2 Februari 1962, hlm. 4.
- ⁵¹ Untuk keterangan lanjut, lihat Salim Kasim, "Kesesatan Dalam Ajaran2 Tarikat", *Berita Harian*, 18 Mei 1962, hlm. 4. Lihat juga "Isu Hadis, Tarekat Diperkatakan", *Berita Harian*, 16 Ogos 1986, hlm. 5.
- ⁵² Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyah di Malaysia: Satu Analisis Fakta Secara Ilmiah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 23-24. Untuk maklumat lanjut tentang Tarekat Ahmadiyah, lihat juga Mohd Raman Daud, "Tarekat Ahmadiyah Utamakan Amalan Tasauf", *Berita Harian*, 11 November 1991, hlm. 10.
- ⁵³ Mohd. Sarim Haji Mustajab, "Islam dan Perkembangannya", hlm. 75. Untuk maklumat lanjut tentang sejarah Kampung Laut, lihat Yusoff Nik Mohd. Nor, "Sejarah Kampung Laut", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 12, 1983, hlm. 1-15.
- ⁵⁴ Haji Abdullah Abdul Samad kepada Dato' Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan, 16 Zulkaedah 1342 (19 Jun 1924), dalam Kel. PM 293/1924, Rayu Hal Berkenaan Dengan Haji Wan Musa Membuat Kacau di atas Rumah Sheikh Azhari Yang Telah Ia Mendapat Amanah Wakil Menjaga Bagi Rumah Itu, Pohonkan Timbangan di atas Perbuatan Itu.
- ⁵⁵ Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan, "Tariq Shah Waliullah al Dihlavi", hlm. 65.

⁵⁶ Setiausaha Kerajaan Kelantan kepada Sultan Kelantan, 8 Mei 1917, dalam Kel. PM 79/1917, Berkenaan Dengan Seorang Bernama Sheikh Azahari Mengajar Tarekatnya dan Orang-Orang Yang Mengikutinya.

⁵⁷ Memo No. 4, dalam Kel. PM 79/1917, Berkenaan Dengan Seorang Bernama Sheikh Azahari Mengajar Tarekatnya dan Orang-Orang Yang Mengikutinya.

⁵⁸ Lihat *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010, hlm. 1582-1583. Talkin juga mempunyai dua maksud. Pertama, mengajar kalimah tauhid kepada seseorang yang hampir mati. Kedua, mengingatkan orang yang sudah mati dan baru dikebumikan tentang beberapa perkara yang penting baginya untuk menghadapi dua malaikat yang akan datang kepadanya. Lihat A. Shihabuddin, *Membongkar Kejumudan: Menjawab Tuduhan-Tuduhan Salafi Wahhabi*, Jakarta: Penerbit Noura Books, 2013, hlm. 157.

⁵⁹ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, hlm. 312.

⁶⁰ Sheikh Ibrahim al-Barmawi merupakan Sheikh al-Azhar yang kedua, dan berpegang kepada pandangan mazhab Shafie. Untuk keterangan lanjut tentang beliau, lihat Michael Winter, *Egyptian Society under Ottoman Rule, 1517-1798*, London: Routledge, 1992, hlm. 268.

⁶¹ Haji Nik Mat bin Haji Raja Ismail kepada Setiausaha MAIK, 21 November 1934, dalam MAIK 325/1934, Berkenaan Dengan Khatib Nik Mat bin Raja Ismail Surau Tokku Jembal Menfatwakan Tujuh Masalah Syariah, Iaitu Tidak Dibenarkan Talkin Bagi Mayat, Tidak Harus Iktikad Nabi Adam dan Nabi Idris Sebagai Rasul dan Lain-Lain Masalah Lagi, Diminta Fatwa Majlis Agama Adakah Sebenar Bagaimana Fatwa Nik Mat Itu ataupun Tidak.

⁶² Haji Nik Abdullah bin Haji Wan Musa (1900-1935) mendapat pendidikan awal daripada bapanya dalam bidang agama dan sempat berguru dengan Tok Kenali dan Tok Khurasan sebelum menyambung pengajian di Makkah. Beliau memulakan pengajarannya pada tahun 1934 sekembalinya ke Kelantan. Lihat Alias Mohamed, "Kebangkitan Ulamak-Ulamak Kelantan", *Jurnal Sejarah*, Jil. XV, 1977/78, hlm. 49. Haji Nik Abdullah juga digambarkan sebagai seorang pakar dalam bidang tafsir dan hadis. Beliau yang hanya mengajar ilmu agama di rumah beliau sahaja dipercayai pernah mempunyai 100 orang murid dalam satu masa. Lihat *Pengasoh*, Jil. 18, Bil. 494, 21 Februari 1935, hlm. 11.

⁶³ Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan, "Tariq Shah Waliullah al Dihlavi", hlm. 79.

⁶⁴ Untuk maklumat lanjut tentang surat yang dihantar oleh Haji Wan Musa kepada Rashid Rida, lihat Lampiran XIX dalam Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan, "Tariq Shah Waliullah al Dihlavi", hlm. 290-291.

⁶⁵ Merujuk kepada bacaan ayat al-Quran selepas selesai proses pengebumian jenazah, iaitu ayat 88, surah al-Qasas yang bermaksud, "semua perkara akan musnah kecuali wajahnya..." (al-Qasas: 88).

⁶⁶ Untuk keterangan lanjut tentang perbincangan Muhammad Rashid Rida berkenaan bacaan talkin, lihat al-Manar, Jil. 17, Bil. 6, 24 Mei 1914, hlm. 413. Lihat juga Ismail Awang, "Mufti Haji Wan Musa", dalam Ismail Che Daud (ed.), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu*, Jilid I, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1988, hlm. 213. Hadis *Sahih* merujuk kepada hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang adil, kuat hafalannya, *sanad* (jalur periwayatan) hadis yang bersambung, tiada *'illat* (kecacatan) dan tiada kejanggalan pada *matan* (lafaz) hadis tersebut. Hadis *hasan* pula merujuk kepada hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang adil tetapi tidak begitu kuat hafalannya, namun *sanad* hadis tersebut masih bersambung, selain tidak terdapat *'illat* dan tidak terdapat kejanggalan pada *matan* hadis tersebut. Hadis *daif* pula merujuk kepada hadis yang kehilangan satu syarat atau lebih daripada syarat-syarat hadis *sahih* atau hadis *hasan*. Lihat Ibn Hajar al-Asqalani, *Bulughul Maram: Panduan Lengkap Masalah-Masalah Fiqih, Akhlak dan Keutaman Amal* [Terj. Irfan Maulana Hakim], Bandung: PT Mizan Pustaka, 2010, hlm. 18-19. Lihat juga Subhi Salih, *Ilmu Hadith: Satu Pengenalan dan Kajian* [Terj. Ariffin Omar & Mohd. Nor Ngah], Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 144-200.

⁶⁷ *Pengasoh*, Jil. 5, Bil. 118, 1 April 1923, hlm. 1-2.

⁶⁸ Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan, "Tariq Shah Waliullah al Dihlavi", hlm. 161-162.

⁶⁹ Mohd. Sarim Haji Mustajab, "Islam dan Perkembangannya", hlm. 26.

⁷⁰ Ketua Kadi Perlis kepada Mahkamah Syariah Perlis, 8 Shaaban 1348 (28 Disember 1948), dalam BA Perlis 425/1349, Religious Conflict in Mukim Paya, Reports.

Rujukan

A. Shihabuddin, *Membongkar Kejumudan: Menjawab Tuduhan-Tuduhan Salafi Wahhabi*, Jakarta: Penerbit Noura Books, 2013.

Abbas Mohd. Taha, *Risalah Penting Pada Masalah Jilat Anjing di atas Empat Mazhab*, Muar: Muhammadiyah Press, 1937.

Abdul Latif Abu Bakar (ed.), *Warisan Sastera Melaka*, Melaka: Lembaga Bahasa Melayu, 1984.

Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

Abu Hanifah Haris, "Suara Benar dan Polemik Berkenaan Isu Ketuk-Ketuk di Melaka, 1932-1933", *Purba*, Bil. 33, 2014.

Abu Hanifah Haris, *Pengaruh Mesir Terhadap Masyarakat Melayu, 1906-1970: Daripada al-Imam Sehingga Kebangkitan Semua Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2019.

Ali, Syamsuri, "Al-Munir dan Wacana Pembaharuan Pemikiran Islam, 1911-1915", Tesis M.A., IAIN Imam Bonjol, Padang, 1997.

Alias Mohamed, "Kebangkitan Ulamak-Ulamak Kelantan", *Jernal Sejarah*, Jil. XV, 1977/78.

al-Asqalani, Ibn Hajar, *Bulughul Maram: Panduan Lengkap Masalah-Masalah Fiqih, Akhlak dan Keutaman Amal* [Terj. Irfan Maulana Hakim], Bandung: PT Mizan Pustaka, 2010.

Al-Ikhwān, Jil. 3, Bil. 7, 16 Mac 1929.

Al-Imam, Jil. 2, Bil. 11, 3 Mei 1908.

Al-Manar, Jil. 14, Bil. 4, 26 Julai 1911.

Al-Manar, Jil. 17, Bil. 6, 24 Mei 1914.

Badriyah Haji Salleh & Azmi Mohd. Nasir, "Dua Orang Tokoh Agama", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 13, 1984.

Berita Harian, 2 Februari 1959.

Berita Harian, 2 Februari 1962.

Berita Harian, 18 Mei 1962.

Berita Harian, 3 Jun 1962.

Berita Harian, 31 Januari 1963.

Berita Harian, 3 Mac 1963.

Berita Harian, 12 Januari 1964.

Berita Harian, 11 Mac 1969

Berita Harian, 6 Jun 1971.

Berita Harian, 28 Julai 1972.

Berita Harian, 11 Ogos 1972.

Berita Harian, 2 Januari 1977.

Berita Harian, 24 April 1977.

Berita Minggu, 11 Ogos 1985.

Berita Harian, 10 September 1985.

Berita Harian, 16 Ogos 1986.

Berita Harian, 4 Mac 1991.

Berita Harian, 11 November 1991.

Berita Harian, 13 Ogos 1999.

Berita Minggu, 17 Mac 1985.

Dian, Bil. 134, September 1980.

BA Perlis 425/1349, Religious Conflict in Mukim Paya, Reports.

BR Pahang 99/1937, Kaum Muda.

Dudoignon Stephane A, Hisao Komatsu & Yasushi Kosugi (ed.), *Intellectuals in Modern Islamic World: Transmission, Transformation, Communication*, London: Routledge, 2006.

Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyah di Malaysia: Satu Analisis Fakta Secara Ilmiah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

Ismail Awang, "Mufti Haji Wan Musa", dalam Ismail Che Daud (ed.), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu*, Jilid I, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1988.

K.H. Muhammad Sholikhin, *Menyatu Diri Dengan Ilahi*, Yogyakarta: Penerbit NARASI, 2010.

Kamus Dewan, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.

Kel. PM 383/1340, Surat Berkenaan Dengan Naqus.

Kel. PM 79/1917, Berkenaan Dengan Seorang Bernama Sheikh Azahari Mengajar Tarekatnya dan Orang-Orang Yang Mengikutinya.

Kel. PM 293/1924, Rayu Hal Berkenaan Dengan Haji Wan Musa Membuat Kacau di atas Rumah Sheikh Azhari Yang Telah Ia Mendapat Amanah Wakil Menjaga Bagi Rumah Itu, Pohonkan Timbangan di atas Perbuatan Itu.

Kessler, Clive Samuel, "Islam and Politics in Malay Society: Kelantan 1886-1969", Tesis Ph.D., University of London, 1974.

MAIK 325/1934, Berkenaan Dengan Khatib Nik Mat bin Raja Ismail Surau Tokku Jembal Menfatwakan Tujuh Masalah Syariah, Iaitu Tidak Dibenarkan Talkin Bagi Mayat, Tidak Harus Iktikad Nabi Adam dan Nabi Idris Sebagai Rasul dan Lain-Lain Masalah Lagi, Diminta Fatwa Majlis Agama Adakah Sebenar Bagaimana Fatwa Nik Mat Itu ataupun Tidak.

MAIK 547/1937, Minta Anggota-Anggota Majlis Agama Islam Jawab di atas Masalah-Masalah Suci Anjing Pada Mazhab Malik dan Najis Pada Mazhab Shafie Itu.

Md. Ashih Yaakub, "Konflik di antara Kaum Muda dan Kaum Tua di Kelantan: Rujukan Kepada Kitab Tazkiah al-Anzar dan al-Qawl al-Mufid", Disertasi M.A., Universiti Malaya, 2010.

Mohammad Redzuan Othman, "The Middle East Influence on the Development of Religious and Political Thought in Malay Society, 1880-1940", Tesis Ph.D., University of Edinburgh, 1994.

Mohd Faizal Harun & Muhamad Hazwan Abd Razak, *Sejarah Tarekat: Pertumbuhan dan Penyebaran di Dunia Islam*, Sintok: UUM Press, 2018.

Mohd. Sarim Haji Mustajab, "Islam dan Perkembangannya Dalam Masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, 1900-1940an", Tesis M.A., Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975.

Muhammad Tahir Jalaluddin, *Risalah Penebas Bidaah di Kepala Batas*, Pulau Pinang: Persama Press, 1953.

Nik Abdul Aziz Nik Hassan, *Sejarah Pergerakan Ulama Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1977.

Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan, "Tariq Shah Waliullah al Dihlavi di Jajahan Kota Bharu, 1934-1950", Tesis M.A., Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977.

Nik Abd. Aziz Hj. Nik Hassan, “Perbahasan Tentang Jilatan Anjing: Suatu Perhatian”, *Jebat*, Bil. 9, 1979.

Nik Abdul Aziz Nik Hassan, “Pendekatan Pengajaran Islam di Negeri Kelantan di antara Tahun 1860 Sehingga Tahun 1940”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 11, 1982.

Pengasoh, Jil. 5, Bil. 118, 1 April 1923.

Pengasoh, Jil. 18, Bil. 494, 21 Februari 1935.

Pengasoh, Jil. 20, Bil. 609, 6 Mei 1937.

Pengasoh, Jil. 20, Bil. 633, 21 Oktober 1937.

Roff, William, “Kaum Muda – Kaum Tua: Innovation and Reaction amongst the Malays, 1900-1941”, dalam K.G. Tregonning (ed.), *Papers on Malayan History*, Singapura: Journal South-East Asian History, 1962.

Roff, William R., “Indonesian and Malay Student in Cairo in the 1920’s”, *Indonesia*, Vol. 9, 1970.

Roff, William R., (ed.), *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay States*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974.

Roff, William R., “Whence Cometh the Law? Dog Saliva in Kelantan, 1937”, *Comparative Studies in Society and History*, Vol. 25, No. 2, 1983.

Roff, William R., “Kaum Muda - Kaum Tua: Innovation and Reaction amongst the Malays, 1900-1941”, Kertas Kerja Dibentangkan dalam Seminar ‘Readings on Islam in Southeast Asia’, ISEAS, Singapura, 1985.

Saadman Man & Abdul Karim Ali, “Ikhtilaf Fiqhi di Kalangan Aliran Syafi’iyyah dan Salafiyah di Malaysia: Analisis Retrospektif Terhadap Faktor Pencetus”, *Jurnal Fiqh*, Vol. 2, 2005, hlm. 73–96.

Saidul Amin, “Perdebatan Kaum Tua dan Kaum Muda di Minangkabau dalam Beberapa Masalah Pemikiran Islam”, Disertasi M.A., Universiti Malaya, 2003.

The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser, 2 Mac 1940.

The Straits Times, 2 Mac 1940.

The Straits Times, 15 November 1982.

Suara Benar, Jil. 1, Bil. 3, 9 September 1932.

Suara Benar, Jil. 1, Bil. 4, 13 September 1932.

Suara Benar, Jil. 1, Bil. 6, 20 September 1932.

Suara Benar, Jil. 1, Bil. 7, 23 September 1932.

Suara Benar, Jil. 1, Bil. 17, 28 Oktober 1932.

Suara Benar, Jil. 1, Bil. 21, 11 November 1932

Suara Benar, Jil. 1, Bil. 49, 21 Februari 1933.

Subhi Salih, *Ilmu Hadith: Satu Pengenalan dan Kajian* [Terj. Ariffin Omar & Mohd. Nor Ngah], Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Winter, Michael, *Egyptian Society under Ottoman Rule, 1517-1798*, London: Routledge, 1992.

Yusoff Nik Mohd. Nor, "Sejarah Kampung Laut", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 12, 1983.